

SK Rancha-Rancha Sekolah Pengelola Qiadi Junior Sekolah-Sekolah KPM Peringkat JPWPL Tahun 2020



Labuan, 7 Mac – Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) SK Rancha-Rancha telah mengelola Kem Qiadi Junior Sekolah-sekolah KPM peringkat W.P Labuan bagi tahun 2020. Program yang berlangsung selama 2 hari berturut-turut itu diadakan di Dewan Sri Kedayan, SK Sg Lada.

Program

anjuran Sektor Pendidikan Islam (SPI) Jabatan Pendidikan W.P Labuan (JPWPL) di bawah unit Unit Pembangunan Adab dan Nilai (ADNI) disertai seramai seramai 66 orang murid yang terdiri dari pengawas sekolah dari 17 buah sekolah rendah di W.P Labuan.

Manakala, seramai 10 orang fasilitator dari kalangan Jurulatih Utama ADNI.

Pengisian

program yang berlangsung selama dua hari ini ialah, sirah qiadiah iaitu sejarah pemimpin-pemimpin dari kalangan para sahabat baginda Rasulullah S.A.W, riadah qiadiah, galeri qiadi dan explorasi qiadi. Murid-murid sangat teruja dan gembira menyertai setiap aktiviti yang dijalankan.

Majlis penutupan yang berlangsung pada hari kedua telah dihadiri oleh Pengarah Pendidikan JPWPL, Raisin bin Saidin. Turut hadir Ketua Penolong Pengarah SPI JPWPL, Ustaz Mohd Syahir bin Mohd Yusof dan Penolong Pengarah ADNI, Ustaz Sharum bin Samlan, Guru Besar SK Ranca-Ranca, Norinnie binti Kassim dan Guru Besar SK Sg.Lada, Maidan bin Dali.



RAISIN (tiga dari kiri) bersama peserta dan guru pengiring SKRR yang telah menyertai program tersebut.

Raisin

berkata program qiadi sebagai suntikan ilmu kepimpinan supaya lebih bersahsiah tinggi, taat kepada Allah SWT dan memantapkan pengurusan

disiplin. Program seperti ini dapat melatih murid menjadi pemimpin kecil dalam perspektif Islam.

Sharum

dalam ucapannya berkata” syabas dan tahniah kepada panitia Pendidikan Islam SKRR khasnya dan kepada warga kerja SKRR amnya kerana berjaya menjadi pengelola qiadi junior 2020 dengan jayanya”. Seramai 45 orang AJK pengelola dari SK Ranche-Ranche. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada 17 orang guru pengiring dari penyelaras ADNI setiap sekolah.

Norinnie

berkata, peranan pemimpin kecil cukup besar di peringkat sekolah dalam memikul amanah diberikan bukan sahaja dalam membentuk disiplin malah pembentukan jati diri yang positif sebagai pemimpin.

Seterusnya, majlis penyampaian sijil kepada peserta dan guru pengiring. Aqil Zafran bin Mohamed Fadli dari SK Sg.Bedaun sebagai Peserta Mithali Lelaki, manakala Ilysa Zuleika binti Hafizi dari SK Bukit Kallam sebagai peserta mithali perempuan. Majlis diakhiri dengan sesi fotografi beramai-ramai.



Aqil Zafran bin Mohamed Fadli dari SK Sg.Bedaun sebagai Peserta Mithali Lelaki.



Ilysa Zuleika binti Hafizi dari SK Bukit Kallam sebagai Peserta Mithali Perempuan.